

## **PENJELASAN BERHUBUNG LAPORAN “ZERO SABAH AUDIT QUERIES”**

**KOTA KINABALU, 17 Ogos 2026** — Kementerian Kewangan Negeri Sabah (KKNS) merujuk kepada laporan muka hadapan Daily Express bertajuk “Zero Sabah Audit Queries” yang diterbitkan pada 22 Julai 2026, berhubung kenyataan YB Menteri Kewangan semasa Persidangan Dewan Undangan Negeri pada 21 Julai 2026.

**2.** Kementerian ini ingin menjelaskan bahawa kenyataan tersebut dibuat dalam konteks penjelasan mengenai kaedah atau sistem perakaunan yang digunakan berkaitan peruntukan tambahan dan caruman kepada kumpulan wang berkanun telah dilaksanakan selaras dengan tatacara dan peruntukan kewangan yang berkuat kuasa. Kenyataan itu bukan bermaksud bahawa keseluruhan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri tidak pernah menerima teguran (pertanyaan/pemerhatian/penemuan) dan syor Audit dalam apa-apa bentuk.

**3.** Rujukan melebihi 20 tahun adalah berkaitan kedudukan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah yang telah dirumuskan memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan pendapat Ketua Audit Negara terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun-tahun berkenaan. Pendapat audit terhadap penyata kewangan adalah berbeza daripada teguran, penemuan dan syor Audit yang telah dibangkitkan sepanjang proses pengauditan. Proses pengauditan ini merangkumi semua bentuk pengauditan termasuk pengauditan penyata kewangan, prestasi dan pengurusan syarikat kerajaan bagi Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah.

**4.** Penjelasan ini dibuat bagi memastikan kenyataan yang dilaporkan difahami mengikut konteks sebenar perbahasan di Dewan Undangan Negeri dan tidak ditafsirkan sebagai kenyataan bahawa Jabatan Audit Negara tidak pernah membuat sebarang teguran terhadap tadbir urus Kerajaan Negeri Sabah.

**Kementerian Kewangan Negeri Sabah kekal komited kepada pengurusan kewangan yang telus, berakauntabiliti dan mematuhi tatakelola serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa.**

**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Kewangan Negeri Sabah**

17 Ogos 2026